



KENYATAAN MEDIA  
8 FEBRUARI 2024

## **ST Seru Orang Ramai Utamakan Keselamatan Elektrik dan Gas di Musim Perayaan**

**Putrajaya, 8 Februari 2024** – Menjelang sambutan Tahun Baru Cina tidak lama lagi, pihak Suruhanjaya Tenaga (ST) ingin menyeru orang ramai agar mengutamakan keselamatan elektrik dan gas dengan mengamalkan pesanan-pesanan keselamatan berikut:

### **Keselamatan Elektrik**

1. Pastikan pendawaian elektrik di rumah selamat dengan cara:
  - a. Uji Peranti Arus Baki (PAB) dengan menekan butang uji 'T' sekurang-kurangnya sekali sebulan. Jika PAB berfungsi dengan baik, ia akan terpelantik dan bekalan elektrik akan terputus serta-merta; dan
  - b. Dapatkan perkhidmatan kontraktor elektrik yang berdaftar dengan ST untuk menggantikan PAB sekiranya PAB tidak berfungsi.
  
2. Selain daripada itu, sila pastikan:
  - a. Wayar kelengkapan elektrik tidak koyak atau terdedah sebelum digunakan;
  - b. Guna kelengkapan elektrik dan lampu hiasan dengan label keselamatan ST-SIRIM;
  - c. Tangan dalam keadaan kering semasa menggunakan kelengkapan elektrik; dan
  - d. Suis dan kelengkapan elektrik yang tidak digunakan di rumah dimatikan sekiranya anda pulang ke kampung atau bercuti.

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

3. Elak bebani soket dengan menggunakan kelengkapan elektrik yang berlebihan atau dengan beban yang tinggi.
4. Elak menggantung perhiasan perayaan pada tiang elektrik.
5. Elak menggunakan telefon bimbit semasa ia sedang dicas.

### **Keselamatan Gas**

1. Pastikan dapur gas memasak selamat dengan cara:
  - a. Guna perkakas dapur gas yang mempunyai label keselamatan ST-SIRIM;
  - b. Peka dengan kewujudan bau kebocoran gas di kawasan dapur memasak; dan
  - c. Mengadakan bukaan pengudaraan secukupnya di kawasan dapur memasak dengan membuka tingkap atau pintu ketika memasak.
2. Sekiranya mengesan bau gas, pastikan langkah berikut diambil:
  - a. Buka tingkap atau pintu untuk galakkan pengudaraan di kawasan tersebut;
  - b. Jangan buka atau tutup suis di kawasan tersebut;
  - c. Jangan membawa peralatan atau kelengkapan yang boleh mencetuskan penyalaan atau "*spark*" berhampiran di kawasan dapur memasak; dan
  - d. Cari kebocoran gas dengan menggunakan Alat Pengesan Kebocoran Gas atau buih sabun dan baiki dengan segera.
3. Jangan tinggalkan dapur gas memasak ketika digunakan tanpa pengawasan sepenuhnya.
4. Dapatkan perkhidmatan kontraktor gas yang berdaftar dengan ST untuk sebarang kerja pembaikan gas berpaip di rumah.

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

5. Pastikan injap silinder gas ditutup sekiranya anda pulang ke kampung atau bercuti.

Pautan bagi mendapatkan perkhidmatan kontraktor elektrik dan kontraktor gas yang berdaftar dengan ST adalah seperti berikut:



**KONTRAKTOR ELEKTRIK**



**KONTRAKTOR GAS**

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang ST di [www.st.gov.my](http://www.st.gov.my) atau hubungi kami di talian 03-8870 8500.

**\*\*\*TAMAT\*\*\***

***Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:***

*Veliana Ruslan/Hazwani Ghazali/Harith Safruddin*

*Unit Promosi dan Hubungan Luar*

*Tel: 03-8870 8753/019-2131978 (Veliana) / 011-28866271 (Hazwani) / 018-3822545 (Harith)*

*Emel: [veliana@st.gov.my](mailto:veliana@st.gov.my) / [noorhazwani@st.gov.my](mailto:noorhazwani@st.gov.my) / [harith@st.gov.my](mailto:harith@st.gov.my)*

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.